

KANDUNGAN

	Muka Surat
Pengenalan	2
Misi	2
Objektif	2
Kalendar Pengajian Sesi Akademik 2010/2011	3
Struktur Organisasi SKET	4
Staf SKET	5
Kursus Universiti	
• Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS)	7
• Hubungan Etnik	10
• Asas Pembudayaan Keusahawanan	11
• Pengenalan kepada Malaysia	12
Kursus Kokurikulum	13
• Dasar Pelaksanaan	
• Jumlah Kredit	
• Penilaian	
• Yuran	
• Pemilihan Kursus dan Larangan	
• Sinopsis dan Hasil Pembelajaran Kursus	
- Komponen Umum	15
- Komponen Kebudayaan	28
- Komponen Sukan	40
Kursus Elektif Luar Fakulti	49
Hubungi Kami	55

PENGENALAN

Seksyen Kokurikulum ditubuhkan pada 8 Mac 2001. Pada peringkat awal penubuhan, seksyen ini diletakkan di bawah pengawasan Timbalan Naib Canselor (Akademik) dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar). Fungsi SKET dikembangkan lagi dengan diberi tanggungjawab dalam pengurusan dan penawaran Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) dan Kursus Elektif Luar Fakulti. Seksyen Kokurikulum kemudiannya ditukarkan kepada nama baru iaitu Seksyen Kokurikulum, Elektif Luar Fakulti & TITAS (SKET). Fungsi SKET semakin berkembang di mana ia bertanggungjawab dalam pengurusan dan penawaran tiga lagi Kursus Universiti iaitu Kursus Hubungan Etnik, Asas Pembudayaan Keusahawanan dan Pengenalan Kepada Malaysia.

MISI

Untuk menjadi seksyen yang mesra pelajar, cekap, amanah dan inovatif untuk melahirkan mahasiswa yang mempunyai watak dan peribadi yang seimbang, mencintai ilmu, menghayati budaya, menyertai sukan serta mempunyai kepekaan sosial.

OBJEKTIF

- Mempertingkatkan interaksi di kalangan mahasiswa/i daripada pelbagai kaum dan latar belakang sosial dan etnik untuk mewujudkan perpaduan antara kaum.
- Menggalakkan penjanaan dan penguasaan ilmu pelbagai disiplin.
- Melahirkan mahasiswa/i sebagai barisan pemimpin yang berteraskan sahsiah dan keilmuan yang mantap.
- Menawarkan pelbagai kursus kokurikulum bagi memenuhi keperluan Kursus Universiti dan minat mahasiswa/i.
- Menggalakkan kegiatan kokurikulum di kalangan mahasiswa/i.
- Memberi peluang kepada mahasiswa/i berkembang matang dan mempunyai keyakinan diri.

**KALENDAR PENGAJIAN SESI AKADEMIK 2010/2011
UNIVERSITI MALAYA
(SECARA AM)**

SEMESTER I				
Haluansiswa	1 minggu	04.07.2010	-	11.07.2010
Kuliah	8 minggu	12.07.2010	-	03.09.2010
Cuti Pertengahan Semester/ Cuti Khas	2 minggu	04.09.2010	-	19.09.2010
Kuliah	6 minggu	20.09.2010	-	29.10.2010
Minggu Ulangkaji	1 minggu	30.10.2010	-	07.11.2010
Cuti Khas Semester	2 minggu	08.11.2010	-	21.11.2010
Peperiksaan Semester I	3 minggu	22.11.2010	-	10.12.2010
Cuti Semester I	3 minggu	11.12.2010	-	02.01.2011
<hr/> 26 minggu <hr/>				
SEMESTER II				
Kuliah	4 minggu	03.01.2011	-	28.01.2011
Cuti Pertengahan Semester II	1 minggu	29.01.2011	-	06.02.2011
Kuliah	10 minggu	07.02.1011	-	15.04.2011
Cuti Ulangkaji	1 minggu	16.04.2011	-	24.04.2011
Peperiksaan Akhir	3 minggu	25.04.2011	-	13.05.2011
<hr/> 19 minggu <hr/>				
CUTI TAHUNAN/SEMESTER KHAS				
Cuti	10 minggu	14.05.2011	-	24.07.2011
atau				
Kuliah dan Peperiksaan	8 minggu	30.05.2011	-	24.07.2011

* Cuti Hari Raya Puasa (10 & 11 September 2010)

** Cuti Deepavali (5 November 2010)

*** Cuti Hari Raya Qurban (17 November 2010)

**** Krismas (25 Disember 2010)

+ Cuti Tahun Baru Cina (3 & 4 Februari 2011)


STRUKTUR ORGANISASI

**Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)**
 Profesor Dr. Hamzah Abdul Rahman

Ketua
 Profesor Dr. Maya Khemlani David


Pembantu Tadbir (P/O)
 Puan Nor'aidah Mohd Ibrahim

Timbalan Ketua/ Pensyarah Kanan
 Tuan Hj. Abd. Wahid Jais



Penolong Pendaftar
 Cik Wan Nooraini Ab. Hamid

Penolong Pendaftar
 Tuan Hj. Roslan Nik



STAF SKET

Ketua	:	Profesor Dr. Maya Khemlani David BA, Cert TESL (Sing), MA (Essex), MPA, Ph.D., Dip. Librarianship (Australia), Dip. ESL (Australia), ACiS, MApp (Linguistics) (Essex)
Timbalan Ketua	:	Tuan Hj. Abd. Wahid Jais BA, MA

PENYELARAS KURSUS

TITAS	:	Tuan Hj. Abd. Wahid Jais
Hubungan Etnik	:	Dr. Wendy Yee Mei Tien
Asas Pembudayaan Keusahawanan	:	Encik Abd. Latiff Sukri Shamsuri @ Samsuri
Pengenalan Kepada Malaysia	:	Dr. Ngeow Yeok Meng
Kokurikulum	:	Tuan Hj. Abd. Wahid Jais
Elektif Luar Fakulti	:	Puan Ponmalar a/p Alagappar

PENSYARAH KANAN/PENSYARAH

- Tuan Hj. Abd. Wahid Jais
BA, MA
- Dr. Wendy Yee Mei Tien
BSc, (UPM) MSc, (UPM) PhD (Youth Studies) (UPM)
- Dr. Lean Mei Li
B.Ed.(TESL), MESL, Ph.D.
- Dr. Ngeow Yeok Meng
BA, M. Phil., Ph.D.
- Puan Faezah Kassim (Cuti Belajar)
BA, MA
- Puan Fatimi Hanafi
BA, MA (UIAM)
- Puan Faridah Che Husain (Cuti Belajar)
BA, MA
- Encik Abd. Latiff Sukri Shamsuri @ Samsuri
BSc (Business), MBA (Morehead State Univ.)
- Puan Ponmalar a/p Alagappar
BA (UKM), MBA (UPM)
- Puan Zainab Ishak
BA, MA (Civilization Studies)

PENTADBIRAN

Penolong Pendaftar	:	Tuan Hj. Roslan Nik BA Cik Wan Nooraini Ab. Hamid BEc. (Hons) (UKM)
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	:	Puan Nor'aidah Mohd Ibrahim Cik Nur Fatimah Md. Aziz Cik Norhanyah Mohamed Yunos Cik Rohaidah Md.Salleh Encik Ahmad Rudin Gimam Puan Nor Fadilah Mohd Nor
Juruteknik	:	Puan Norazlita Mohd. Talib
Pembantu Am Pejabat	:	Encik Nurul Azmi Suliman

KURSUS UNIVERSITI

Kursus Universiti merupakan kursus asas yang ditetapkan oleh Universiti. Pelajar wajib ambil dan wajib lulus kursus ini dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C. Kursus universiti yang ditawarkan oleh SKET adalah seperti berikut:

1. Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS)

- **GXEX1402 – TITAS Kertas 1 (2 kredit)**

Sesi kemasukan 1998/1999 sehingga 2005/2006 sahaja

Sinopsis Kursus

Kursus ini akan menjelaskan kepada pelajar berhubung konsep tamadun dan mengapa pengajian berhubung dengannya sangat penting kepada pembinaan bangsa Malaysia. Masyarakat Malaysia sebenarnya mewarisi khazanah tamadun-tamadun Asia yang begitu tinggi harganya yang menjadi tunjang pembinaan jati diri bangsa. Tamadun-tamadun tersebut ialah Tamadun Islam dan Tamadun Melayu. Selain daripada diperkenalkan konsep tamadun dan kepentingannya, pelajar juga akan diperkenalkan kepada perkembangan Tamadun Islam dan Tamadun Melayu.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. mengenalpasti nilai-nilai tulen dan sikap hormat menghormati di kalangan rakyat pelbagai agama, keturunan, bangsa dan budaya.
2. menghubungkan falsafah dan cara hidup Malaysia melalui musyawarah dan ijmak.
3. mentafsirkan jati diri Malaysia sebagai negara majmuk yang mengamalkan toleransi yang tinggi.

Kaedah Penilaian

Peperiksaan Akhir - 100%

Kemahiran Insaniah

1. Pembelajaran Berterusan Dan Pengurusan Maklumat (LL2)
2. Etika Dan Moral Profesional (EM1)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

- **GXEX1403 – TITAS Kertas 2 (2 kredit)**

Sesi kemasukan 1998/1999 sehingga 2005/2006 sahaja

Sinopsis Kursus

Kursus ini akan menerangkan kepentingan Tamadun Pribumi, Tamadun India dan Tamadun Cina yang merupakan tiga lagi warisan tamadun yang menjadi teras jati diri bangsa Malaysia. Selain daripada itu, pelajar juga akan didedahkan dengan Tamadun Jepun yang merupakan satu model terhampir kepada masyarakat Malaysia dalam membina peradaban Malaysia hari ini. Kursus ini juga membincangkan cabaran-cabaran yang dihadapi dalam usaha membangunkan peradaban Malaysia yang meliputi cabaran luaran seperti dominasi kuasa barat dan globalisasi serta cabaran dalaman seperti sikap prejudis antara kaum dan keruntuhan moral.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan tentang aspek nilai hormat menghormati di kalangan rakyat pelbagai agama, keturunan, bangsa dan budaya dan seterusnya mengenali dan menghormati sikap, kelakuan dan kepercayaan orang lain.
2. menghubungkan falsafah dan cara hidup masyarakat Malaysia melalui musyawarah dan ijmak.
3. mentafsirkan Malaysia sebagai negara majmuk yang mengamalkan toleransi yang tinggi dan mengembangkan kemahiran berkomunikasi dengan individu yang berlainan budaya.

Kaedah Penilaian

Peperiksaan Akhir - 100%

Kemahiran Insaniah

1. Pembelajaran Berterusan Dan Pengurusan Maklumat (LL2)
2. Etika Dan Moral Profesional (EM1)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

- **GXEX1410 – TITAS (2 kredit)**

Sesi kemasukan 2006/2007 dan 2007/2008 sahaja

Sinopsis Kursus

Kursus ini membincangkan tentang ilmu ketamadunan yang mencakupi konsep tamadun, interaksi antara tamadun, prinsip, nilai dan aspek utama dalam Tamadun Islam dan Tamadun Melayu, isu-isu dan cabaran-cabaran semasa Tamadun Islam dan Tamadun Melayu.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. mentakrif konsep tamadun.
2. menerangkan prinsip, nilai dan aspek utama dalam Tamadun Islam dan Tamadun Melayu.
3. menghubungkait isu-isu dan cabaran-cabaran semasa Tamadun Islam dan Tamadun Melayu.

Kaedah Penilaian

Peperiksaan Akhir - 100%

Kemahiran Insaniah

1. Pembelajaran Berterusan Dan Pengurusan Maklumat (LL2)
2. Etika Dan Moral Profesional (EM1)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

- **GXEX1414 – Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) (2 kredit)**

Mulai sesi kemasukan 2008/2009

Sinopsis Kursus

Kursus ini membincangkan tentang ilmu ketamadunan yang mencakupi pengenalan ilmu ketamadunan, konsep, prinsip, sejarah, masyarakat, budaya dan pencapaian dalam Tamadun Islam, Melayu, Cina dan India. Di samping itu, isu-isu semasa dan masa depan dialog peradaban juga turut dibincangkan.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menjelaskan konsep ketamadunan.
2. menerangkan prinsip, sejarah, masyarakat, budaya dan pencapaian dalam tamadun Islam, Melayu, Cina dan India.
3. menghubungkaitkan isu-isu semasa dan masa depan dialog peradaban.
4. menunjuk cara interaksi yang berkesan, kemahiran bersemuka dan bekerja secara berkumpulan.

Kaedah Penilaian

Penilaian Berterusan: 40%

Pembentangan - 10%

Laporan - 30 %

Peperiksaan Akhir: 60%

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS1)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

2. GXEX1411 – Hubungan Etnik (2 kredit)

Mulai sesi kemasukan 2006/2007

Sinopsis Kursus

Kursus ini akan memperkenalkan konsep asas dan teori hubungan etnik. Pelajar juga akan didedahkan dengan sejarah pluraliti masyarakat Alam Melayu dan masyarakat Malaysia kontemporari. Selain itu, topik-topik tentang perlembagaan, perkembangan ekonomi, politik dan sosial dalam konteks hubungan etnik juga akan diperjelaskan. Kursus ini juga akan membincangkan tentang cabaran terhadap hubungan etnik di Malaysia dan global dalam membentuk masyarakat berintegrasi.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan konsep asas dan teori hubungan etnik.
2. mengaplikasi ilmu, konsep dan prinsip interaksi sosial dan integrasi nasional.
3. memaparkan kelakuan yang beretika dan sikap bertanggungjawab terhadap masyarakat.
4. menunjuk cara kemahiran interpersonal yang berkesan dan bekerja secara berkumpulan.

Kaedah Penilaian

Penilaian Berterusan: 40%

Pembentangan - 10%

Laporan - 30 %

Peperiksaan Akhir: 60%

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS1)
3. Pembelajaran Berterusan Dan Pengurusan Maklumat (LL2)
4. Etika Dan Moral Profesional (EM1)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

3. GXEX1412 – Asas Pembangunan Keusahawanan (2 kredit)

Mulai sesi kemasukan 2007/2008 bagi pelajar tempatan
Mulai sesi kemasukan 2008/2009 bagi pelajar antarabangsa

Sinopsis Kursus

Kursus ini cuba menerapkan elemen asas pembudayaan keusahawanan kepada semua pelajar. Inisiatif ini diambil untuk membuka minda dan merangsang semangat keusahawanan kepada kumpulan sasaran yang berpotensi. Antara topik yang akan diajar termasuklah konsep dan perkembangan keusahawanan, analisis kompetensi keusahawanan diri, etika keusahawanan, kreativiti dan inovasi dalam keusahawanan, peluang perniagaan, kemahiran memulakan perniagaan, merancang perniagaan dan kemahiran mengurus projek perniagaan. Di samping itu, pengalaman amali melalui kerja lapangan atau penglibatan langsung pelajar dalam pengendalian satu projek perniagaan secara individu/berkumpulan diharap dapat mencetus minat serta memberi latihan yang lebih bermakna dan berkesan kepada pelajar mengenai realiti dunia perniagaan sebenar.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan konsep keusahawanan dan kepentingan bidang keusahawanan.
2. menerangkan mengenai etika keusahawanan.
3. menilai sifat keusahawanan dalam diri.
4. mengaplikasi aspek kreativiti dan inovasi dalam keusahawanan.
5. menyediakan rancangan perniagaan.

Kaedah Penilaian

Penilaian Berterusan: 70%

- Seminar Keusahawanan - 10%
- Rancangan Perniagaan - 10%
- Praktikum Keusahawanan - 30%
- Pembentangan Praktikum - 20%

Peperiksaan Akhir: 30%

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS1)
3. Pembelajaran Berterusan Dan Pengurusan Maklumat (LL2)
4. Kemahiran Keusahawanan (KK2)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris

4. **GXEX1413 – Pengenalan Kepada Malaysia (2 kredit)**

Mulai sesi kemasukan 2007/2008 (Pelajar Antarabangsa Sahaja)

Sinopsis Kursus

Kursus ini menerangkan mengenai sejarah pembentukan negara Malaysia. Kursus ini juga membincangkan sistem dan struktur pentadbiran negara, Perlembagaan Malaysia, budaya, nilai dan orientasi setiap kaum, integrasi nasional, perpaduan dan cara untuk berinteraksi dengan rakyat Malaysia.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat :

1. menerang sejarah, struktur pentadbiran dan Perlembagaan Malaysia.
2. Menjelaskan tentang tempat, bangsa, cara hidup, nilai dan budaya orang Malaysia.
3. menunjuk cara kemahiran interpersonal yang berkesan dan bekerja secara berkumpulan.

Kaedah Penilaian

Penilaian Berterusan: 50%

- Pembentangan - 10%
- Laporan - 30%
- Kuiz - 10%

Peperiksaan Akhir: 50%

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS1)

Bahasa Pengantar

Bahasa Inggeris

KURSUS KOKURIKULUM

Dasar Pelaksanaan

Kursus Kokurikulum diwajibkan kepada semua pelajar yang mendaftar untuk mengikuti Program Ijazah Pertama mulai sesi 1996/1997. Kursus Kokurikulum adalah sebahagian daripada Kursus Universiti di mana pelajar dikehendaki lulus (Gred S) sebelum penganugerahan ijazah dilaksanakan.

Jumlah Kredit

Mulai semester 2 sesi 1997/1998, semua kursus kokurikulum diperuntukkan sebanyak dua (2) kredit.

Penilaian

Pengajaran kursus kokurikulum menekankan aspek praktikal yang dijalankan melalui latihan amali dan demonstrasi. Aspek teori bagi komponen kebudayaan dan sukan khususnya adalah tidak melebihi 30% dan bertujuan untuk membantu (*fasilitate*) aspek praktikal kursus berkenaan. Sistem penilaian kursus kokurikulum adalah seperti berikut:

1. Gred Kursus

Hanya Gred S (Memuaskan) atau U (Tidak Memuaskan) akan dicatatkan dalam rekod akademik pelajar.

2. Aspek Penilaian

Kaedah penilaian berterusan berasaskan praktikal (*continuous assessment*) digunakan dengan memberi tumpuan kepada aspek-aspek berikut:

- pelajar telah hadir 80% atau lebih untuk kelas atau aktiviti kursus.
- pelajar telah menunjukkan daya usaha dan kesungguhan terhadap kursus pada tahap yang memuaskan.
- pelajar telah menyertai aktiviti kursus pada tahap yang memuaskan.
- pelajar telah dapat memahami prinsip kursus sewajarnya.

3. Ujian/Peperiksaan

Peperiksaan tidak diperlukan bagi mana-mana kursus kokurikulum. Walau bagaimanapun, ujian boleh diadakan mengikut keperluan kursus.

Yuran

Setiap pelajar dikenakan yuran sebanyak RM100.00 bagi setiap kursus kokurikulum yang diambil.

Pemilihan Kursus Dan Larangan

Pelajar bebas memilih mana-mana kursus dalam komponen umum, kebudayaan atau sukan yang diminati. Walau bagaimanapun, dalam usaha Universiti untuk melahirkan graduan bermutu tinggi dan serba boleh, pelajar dilarang mengambil kursus yang sama dengan bidang pengkhususan masing-masing.

Larangan kursus kokurikulum adalah seperti berikut:

Akademik/Fakulti/Pusat	Kursus Kokurikulum Yang Tidak Dibenarkan	
Akademi Pengajian Melayu (Pengajian Melayu dan Kesusasteraan Melayu)	GREK1061 GREK1062	Asas Penulisan Puisi Asas Deklamasi Puisi
Fakulti Ekonomi & Pentadbiran	GNEK1047	Kemahiran Berorganisasi
Fakulti Pendidikan (Psikologi Kaunseling)	GNEK1011 GNEK1012	Bimbingan Kerjaya Bimbingan Rakan Sebaya
(TESL – Kaedah 2 : Pendidikan Jasmani)	Tidak dibenarkan mengambil kursus dalam komponen sukan	
(TESL – Kaedah 2 : Pendidikan Seni)	GREK1003 GREK1007 GREK1008 GREK1009 GREK1018	Asas Seni Lukis Cat Air Asas Seni Halus Asas Seni Tembikar Seni Reka Batik Cat Air Cina
Fakulti Perubatan	GNEK1010	Rawatan Cemas Asas
Fakulti Perniagaan & Perakaunan	GNEK1048	Keusahawanan
Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat	GNEK1015 GNEK1021 GNEK1026 GNEK1028 GNEK1029	1001 Kegunaan Komputer Web Mastering Asas Komputer Grafik Asas Pembinaan Perisian Multimedia Interaktif Pengarangan Laman Web
Fakulti Sastera & Sains Sosial (Pengajian Media)	GNEK1049 GNEK1050	Penulisan Portfolio Membina Karisma
Pusat Kebudayaan	Tidak dibenarkan mengambil kursus dalam komponen kebudayaan	
Pusat Sukan	Tidak dibenarkan mengambil kursus dalam komponen sukan	

KOMPONEN UMUM

1. **GNEK1002 - Khidmat Kemasyarakatan**

Kursus ini mendedahkan kepada pelajar mengenai khidmat kemasyarakatan dan peranan sebagai pekerja sosial. Pelajar juga perlu merancang program khidmat masyarakat dan ditempatkan di lokasi-lokasi berkaitan dengan program tersebut dan membuat laporan serta pembentangan.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan maksud khidmat kemasyarakatan.
2. menerangkan peranan pekerja sosial.
3. merancang program khidmat kemasyarakatan.
4. melaksanakan apa yang dipelajari di tempat praktikum berdasarkan pengetahuan yang diperolehi.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS6)
2. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah (CT3)
3. Kerja Berpasukan (TS3)
4. Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat (LL1)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris

2. **GNEK1008 - Kemahiran Seni Orator (BM)**

Kursus ini memberi kefahaman dan pendedahan awal mengenai teknik-teknik yang berkesan dalam berucap di hadapan audiens. Pelajar juga akan dapat memahami cara-cara yang betul untuk membuat persediaan sebelum berucap serta bagaimana cara menangani sesi soal-jawab yang lazimnya menyusuli sesebuah pembentangan.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menunjukkan keyakinan diri semasa berucap.
2. menggunakan bahasa non-verbal yang berkesan semasa berucap.
3. mengendalikan sesi soal-jawab selepas pembentangan.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS4)
2. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah (CT3)
3. Kerja Berpasukan (TS2)
4. Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat (LL1)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

3. GNEK1009 - PALAPES Darat

Latihan ketenteraan diajar mengikut silibus yang dikeluarkan oleh Tentera Darat melalui Rancangan Pengurusan Latihan (RPL). Latihan dijalankan secara teori dan amali serta latihan di medan secara berkelompok.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan tugas dan peranan asas seorang anggota tentera.
2. menerangkan aspek pentadbiran dan pengurusan Tentera Darat Malaysia.
3. menunjuk cara berkawad mengikut kaedah Tentera Darat Malaysia.
4. menunjuk cara asas mengendalikan senjata api dan bahan letupan.
5. menerangkan kaedah bekerja dalam sesebuah organisasi.
6. mempamerkan daya ketahanan mental dan fizikal.
7. mempamerkan sifat kreatif, berdisiplin dan taat setia.
8. menunjuk cara berkomunikasi dan menyampaikan mesej dengan berkesan.
9. mempamerkan kebolehan menguruskan masa dan membuat keputusan.
10. mempamerkan kemahiran ikhtiar hidup dan berdikari.
11. menunjuk cara membaca peta dan mengaplikasikan di atas tanah sebenar.
12. mempamerkan kemahiran membuat anggaran terhadap sesuatu perkara.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi
2. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah
3. Kerja Berpasukan
4. Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat
5. Etika dan Moral Profesional
6. Kemahiran Kepimpinan

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

4. GNEK1010 - Rawatan Cemas Asas

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada struktur dan fungsi tubuh badan fizikal manusia. Kursus ini juga menerangkan jenis-jenis kecederaan yang boleh berlaku dan langkah-langkah pertolongan yang boleh diberikan secara serta-merta sehingga rawatan tetap dapat diuruskan oleh pihak profesional.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. mengenalpasti langkah-langkah awal yang boleh dilaksanakan bagi pelbagai keadaan kecemasan perubatan.

2. menunjuk cara langkah-langkah pertolongan yang boleh diberi serta-merta sementara menunggu bantuan perubatan profesional.
3. menunjuk cara teknik-teknik asas rawatan cemas.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah (CT3)
3. Kerja Berpasukan (TS3)
4. Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat (LL1)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

5. GNEK1011 - Bimbingan Kerjaya

Kursus ini bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran membuat keputusan dan perancangan kerjaya. Pelajar akan mengetahui dan mengenal pasti kekuatan dan nilai diri, peranan kerjaya, teknik membuat keputusan dan perancangan serta bagaimana mengaplikasikan kemahiran ini dalam situasi akademik, kerjaya dan kehidupan.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. mengenalpasti nilai, minat, kekuatan diri dan matlamat diri (*self-awareness*).
2. mempamerkan sumber maklumat mengenai kerjaya dan pekerjaan (*career awareness*).
3. menjelaskan model-model membuat keputusan dan mengaplikasikannya dalam proses membuat keputusan (*decision making*).
4. menyediakan pelan tindakan yang berkaitan dengan matlamat diri dan kerjaya (*career planning*).

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS4)
2. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah (CT3)
3. Kerja Berpasukan (TS3)
4. Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat (LL1)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris

6. GNEK1012 - Bimbingan Rakan Sebaya

Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada teori kaunseling dan juga masalah yang dihadapi oleh pelajar di kampus. Kursus ini dirangka untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran supaya diwujudkan kaunselor separa ikhtisas.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan falsafah dan matlamat kaunseling.
2. menggunakan teori kaunseling dan kemahiran yang berkaitan dengannya.
3. menunjuk cara membantu rakan sebaya melalui proses kaunseling.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah (CT3)
3. Kerja Berpasukan (TS1-TS3)
4. Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat (LL1)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris

7. GNEK1014 - Pendidikan Luar

Kursus ini memberi tumpuan kepada asas '*Water Based Activities*' dan '*Land Based Activities*' menggunakan alam sekitar sebagai makmal. Pelajar akan didedahkan kepada aktiviti seperti treking, *snorkeling*, laluan tali/*abseiling/flying fox/repelling*, ekspedisi dan pertolongan cemas.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menjelaskan falsafah, matlamat dan konsep '*learning through outdoor pursuits*'.
2. menunjuk cara kemahiran manipulatif dalam pelbagai aktiviti pendidikan luar.
3. menunjukkan penghayatan dan perkembangan potensi insan dari segi intelek, rohani, emosi, sosial dan jasmani selaras dengan '*humanisation of education*' yang tersurat dan tersirat dalam matlamat pendidikan negara.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah (CT3)
3. Kerja Berpasukan (TS1-TS3)
4. Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat (LL1)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

8. GNEK1015 - 1001 Kegunaan Komputer

Kursus ini mengintegrasikan beberapa bidang teknologi semasa seperti audio visual, telekomunikasi dan lain-lain yang tidak menghadkan penggunaan komputer semata-mata sebagai alat untuk menaip serta mencetak surat, artikel, pelbagai kad dan

gambar. Pelajar akan diberikan pendedahan dan latihan kepada pelbagai jenis penggunaan komputer yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan seharian.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan kegunaan komputer.
2. menunjukkan kegunaan komputer dan alatan tambahan (*peripherals*) komputer.
3. menunjukkan integrasi bidang teknologi komputer dan aplikasinya dalam kehidupan seharian.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS4)
2. Kerja Berpasukan (TS3)
3. Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat (LL1)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris

9. GNEK1018 - Penerbitan Majalah (BI)

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada aktiviti-aktiviti reka bentuk majalah, penulisan, penyusunan, penyuntingan artikel-artikel, ilustrasi, hiasan dan sebagainya.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menjelaskan jenis-jenis reka bentuk majalah.
2. menunjukkan jenis-jenis penulisan dan ilustrasi.
3. menunjuk cara penyuntingan artikel dan reka bentuk majalah.
4. menunjukkan penglibatan dalam pengiklanan, pengedaran dan publisiti.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS4)
2. Kerja Berpasukan (TS3)
3. Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat (LL1)

Bahasa Pengantar

Bahasa Inggeris

10. GNEK1021 - Web Mastering

Kursus ini merangkumi aspek-aspek pengetahuan dan cara membuat, mereka dan menempatkan laman web.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini pelajar dapat:

1. menerangkan tentang laman web.
2. mendirikan laman web.
3. menunjukkan kemahiran mereka laman web.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS4)
2. Kerja Berpasukan (TS3)
3. Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat (LL1)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris

11. GNEK1022 - Kemahiran Seni Orator (BI)

Kursus ini memberi kefahaman dan pendedahan awal mengenai teknik-teknik yang berkesan dalam berucap di hadapan audiens. Pelajar juga akan dapat memahami cara-cara yang betul untuk membuat persediaan sebelum berucap serta bagaimana menangani sesi soal-jawab yang lazimnya menyusuli sesebuah pembentangan.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menunjukkan keyakinan diri semasa berucap.
2. menggunakan bahasa non-verbal yang berkesan semasa berucap.
3. mengendalikan sesi soal-jawab selepas pembentangan.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS4)
2. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah (CT3)
3. Kerja Berpasukan (TS2)
4. Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat (LL1)

Bahasa Pengantar

Bahasa Inggeris

12. GNEK1026 - Asas Komputer Grafik

Melalui kursus ini pelajar akan diperkenalkan dengan komputer grafik, bagaimana hendak memulakan operasi atau perisian dalam komputer grafik, menentukan saiz dan warna latar lukisan. Pelajar juga akan mempelajari teknik-teknik menggunakan alat-alat (*tools*) yang terdapat dalam komputer grafik, memahami fungsi, melukis dan menggunakan alat-alat tersebut. Akhirnya pelajar akan dapat menghasilkan satu karya grafik menggunakan komputer untuk tujuan tertentu.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan asas-asas yang digunakan dalam komputer grafik.
2. menerangkan teknik-teknik yang terdapat dalam komputer grafik.
3. menunjuk cara melukis grafik menggunakan komputer.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS4)
2. Kerja Berpasukan (TS3)
3. Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat (LL1)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris

13. GNEK1029 - Pengarangan Laman Web

Kursus ini akan memberi pendedahan kepada pelajar mengenai tag HTML dari segi aplikasi dan fungsinya. Para pelajar dikehendaki menjalani latihan di makmal komputer menggunakan perisian HTML. Pelajar juga akan didedahkan kepada disiplin mengaplikasi tag HTML untuk tujuan mencipta stail laman web, mencipta 'links' dan mencipta 'navigator'.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. mengenal pasti tag HTML berdasarkan lima (5) tahap (Tahap 0, Tahap 1, Tahap 2, Tahap 3 dan tahap 4)
2. menunjukkan stail laman web berdasarkan elemen reka bentuknya.
3. menunjuk cara menyediakan laman web menggunakan HTML.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS3)
3. Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat (LL1)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris

14. GNEK1033 - Pengurusan Acara

Kursus ini akan merangkumi aspek-aspek perancangan/pengurusan acara, kewangan, kemudahan dan isu-isu berkaitan komunikasi, protokol dan hospitaliti.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menjelaskan aspek-aspek berkaitan dengan pengurusan acara atau majlis.
2. menerangkan kaitan di antara pengurusan acara dengan komunikasi, protokol dan hospitaliti.
3. mengendalikan sesuatu acara dengan sistematik dan lancar.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah (CT3)
3. Kerja Berpasukan (TS3)
4. Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat (LL1)
5. Kemahiran Kepimpinan (LS4)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

15. GNEK1034 - Pemudahcara (Fasilitator)

Pelajar didedahkan kepada teori dan praktikal pengendalian kumpulan. Pelajar berpeluang memperkembangkan minat dan keupayaan sebagai pemudahcara (fasilitator).

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menjelaskan pembelajaran 'experiential learning' melalui aktiviti-aktiviti latihan dalam kumpulan.
2. menunjuk cara kemahiran sebagai pemudahcara.
3. mempamerkan keyakinan diri, keterbukaan dan bersikap positif.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah (CT3)
3. Kerja Berpasukan (TS3)
4. Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat (LL1)
5. Kemahiran Kepimpinan (LS4)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

16. GNEK1036 - Aikido

Kursus ini akan mendedahkan pelajar tentang sejarah dan falsafah Aikido serta konsep "*The Way of Harmony of the Spirit*".

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menjelaskan sejarah dan falsafah Aikido.
2. menerangkan konsep "*The Way of Harmony of The Spirit*".
3. menunjuk cara pergerakan asas pertahanan diri Aikido.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah (CT3)
3. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris

17. GNEK1037 - Asas Seni Fotografi

Kursus ini memberi penekanan kepada teknik-teknik fotografi secara amali dan teori. Pelajar berpeluang mempelajari cara pengambilan foto alam semula jadi, potret, mikro dan lanskap. Penekanan akan diberikan dari segi kualiti dan kreativiti untuk melahirkan jurugambar yang berbakat seterusnya memupuk profesionalisme fotografi. Kursus ini menitik beratkan keupayaan, kepekaan dan estetika yang tinggi dalam bidang fotografi.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. mengenal pasti teknik-teknik asas fotografi yang merangkumi teori dan praktikal mengenai alam semulajadi, potret dan lanskap.
2. menerangkan perbezaan antara fotografi konvensional dengan digital.
3. menunjuk cara merakam foto menggunakan teknik-teknik fotografi semasa.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah (CT3)
3. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

18. GNEK1042 - PALAPES Laut

Latihan ketenteraan diajar mengikut silibus yang dikeluarkan oleh Tentera Laut melalui Rancangan Pengurusan Latihan (RPL). Latihan dijalankan secara teori dan amali serta latihan di medan secara berkelompok.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan tugas dan peranan asas seorang anggota tentera.
2. menerangkan aspek pentadbiran dan pengurusan Tentera Laut Diraja Malaysia.
3. menunjuk cara berkawad mengikut kaedah Tentera Laut Diraja Malaysia.
4. menunjuk cara asas mengendalikan senjata api dan bahan letupan.
5. menerangkan kaedah bekerja dalam sesebuah organisasi.
6. mempamerkan daya ketahanan mental dan fizikal.
7. mempamerkan sifat kreatif, berdisiplin dan taat setia.
8. menunjuk cara berkomunikasi dan menyampaikan mesej dengan berkesan.
9. mempamerkan kebolehan menguruskan masa dan membuat keputusan.
10. mempamerkan kemahiran ikhtiar hidup dan berdikari.
11. menunjuk cara membaca peta dan mengaplikasikan di atas tanah sebenar.
12. mempamerkan kemahiran membuat anggaran terhadap sesuatu perkara.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi
2. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah
3. Kerja Berpasukan
4. Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat
5. Etika dan Moral Profesional
6. Kemahiran Kepimpinan

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

19. GNEK1043 - Asas Fotografi (Digital)

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai perisian penyuntingan foto, cara-cara memanipulasi gambar, mengambil foto alam semulajadi, mikro dan landskap. Penggunaan peralatan multimedia seperti komputer, kamera digital dan sebagainya juga diajar.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan teknik-teknik asas fotografi digital dan perisian penyuntingan foto merangkumi teori dan praktikal mengenai alam semulajadi, potret, mikro dan landskap.
2. menerangkan penggunaan peralatan fotografi dan alatan hiliran yang berkaitan.
3. menunjukkan cara merakam foto menggunakan peralatan fotografi digital.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah (CT3)
3. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris

20. GNEK1044 - Asas Protokol & Imej Diri

Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada tafsiran pembangunan sahsiah diri dan kepentingannya dalam kehidupan seharian. Pelajar juga akan didedahkan kepada asas protokol majlis dan aktiviti bercorak amali sebagai ukuran penilaian tahap pemahaman.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan asas protokol majlis.
2. menjelaskan pendekatan protokol yang harus diikuti dalam pengendalian majlis-majlis rasmi.
3. mempamerkan ketrampilan diri dalam khalayak ramai.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah (CT3)
3. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

21. GNEK1045 - Teknik Temuduga

Pelajar akan didedahkan kepada teknik-teknik dan proses temuduga yang melibatkan jenis-jenis temuduga, persiapan sebelum dan semasa temuduga, bentuk dan format temuduga, peranan penemuduga dan orang yang ditemuduga, jenis-jenis dan bentuk-bentuk soalan yang lazim ditanya semasa temuduga, kesilapan lazim dalam temuduga dan kaedah mengurangkannya, bagaimana menjadikan kelemahan sebagai satu kekuatan semasa temuduga, cara menghadapi dan mengendalikan 'stress' semasa temuduga dan faktor-faktor yang menjadikan sesuatu temuduga itu berjaya.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan teknik-teknik temuduga.
2. menerangkan proses-proses yang terdapat dalam sesuatu temuduga.
3. menunjuk cara kemahiran untuk menghadiri temuduga.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah (CT3)
3. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

22. GNEK1047 - Kemahiran Berorganisasi

Para pelajar akan didedahkan kepada asas-asas kemahiran berorganisasi yang merangkumi bentuk, susun atur dan struktur sesebuah organisasi. Di samping itu, para pelajar juga akan didedahkan dengan kemahiran-kemahiran pengurusan organisasi seperti kemahiran komunikasi, kemahiran menyelesaikan konflik, kepimpinan dan lain-lain yang melibatkan tingkah laku individu dan kumpulan dalam sesebuah organisasi.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan bentuk-bentuk organisasi serta keberkesanannya di dalam pelaksanaan.
2. menerangkan keperluan dan kepentingan berorganisasi.
3. mempamerkan kemahiran-kemahiran yang telah dipelajari.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah (CT3)
3. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

23. GNEK1048 - Keusahawanan

Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada asas-asas keusahawanan di samping mengenal pasti potensi sebagai usahawan. Kursus ini juga bertujuan melahirkan seorang usahawan yang kreatif di dalam perniagaan, mampu menyediakan pelan perniagaan serta mempunyai kemahiran-kemahiran yang diperlukan dalam dunia perniagaan.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan kepentingan dan keperluan keusahawanan.
2. Menjelaskan proses dan prosedur yang perlu dilakukan sebelum menjalankan sesuatu perniagaan.
3. mengurusetiakan Hari Keusahawanan.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah (CT3)

3. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris

24. GNEK1049 - Penulisan Portfolio

Pelajar akan didedahkan kepada beberapa teknik dalam mencari peluang pekerjaan dan beberapa kemahiran dalam penulisan portfolio berkenaan memohon pekerjaan serta cara-cara mengisi borang permohonan pekerjaan dengan betul.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan teknik penulisan dokumen formal.
2. menulis semula resume yang kompeten.
3. mempamerkan kebolehan mencari dan mengurus maklumat yang relevan dari pelbagai sumber.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah (CT3)
3. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

25. GNEK1050 - Membina Karisma

Pelajar akan dapat mempelajari pelbagai teknik dan kepentingan dalam melahirkan karisma dalam diri seorang pemimpin. Pelajar juga akan secara praktikal mewujudkan ciri-ciri karisma dalam diri mereka.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. mengenal pasti kepentingan dan keperluan karisma dalam diri pemimpin.
2. menerangkan kemahiran asas apabila merancang dalam sesebuah organisasi.
3. menerangkan proses-proses yang diperlukan dalam membina berkarisma seseorang pemimpin.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah (CT3)
3. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

26. GNEK1051 - Sukarelawan Polis Siswa/Siswi (SUKSIS)

Kursus ini akan memberi pendedahan awal kepada pelajar tentang tugas dan peranan seorang anggota polis. Pelajar akan dilatih mendisiplinkan diri melalui latihan berkawad. Selain daripada itu, pelajar juga akan didedahkan kepada aspek-aspek pentadbiran dan pengurusan di dalam badan beruniform.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan peranan dan tugas seorang polis.
2. menerangkan aspek-aspek pentadbiran dan pengurusan di dalam pasukan beruniform.
3. menunjuk cara kawad mengikut kaedah kawad PDRM.
4. menunjukkan kemahiran asas berkomunikasi yang aktif dan memberi maklum balas.
5. menunjukkan kemahiran asas kerja secara berpasukan.
6. menerangkan tentang latarbelakang Organisasi PDRM.
7. menerangkan tentang undang-undang Negara.
8. menunjuk cara kemahiran asas mengendalikan senjata.
9. menunjuk cara kemahiran pandu arah dan ikhtiar hidup.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi
2. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah
3. Kerja Berpasukan
4. Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat
5. Etika dan Moral Profesional
6. Kemahiran Kepimpinan

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

KOMPONEN KEBUDAYAAN**1. GREK1001 - Seni Khat (Nasakh/Suluth)**

Kursus ini akan memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai pengenalan seni khat, keindahan dan teknik menghasilkannya. Para pelajar dikehendaki menjalani latihan melukis khat dengan menggunakan beberapa jenis tulisan yang terkenal dengan memberi penekanan kepada seni khat Nasakh dan Suluth. Di samping itu, pelajar diperkenalkan kepada tulisan khat bermotifkan geometrik dan "*biomorphic*" serta menghasilkan khat dalam bentuk kraf.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menulis tulisan Jawi dengan baik dan mengikut kaedah khat.
2. menghasilkan tulisan Jawi berdasarkan kaedah yang telah dipelajari.
3. menunjuk cara seni kaligrafi warisan umat Islam.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

2. GREK1003 - Asas Seni Lukis Cat Air

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang asas-asas lukisan cat air termasuk teknik melukis dan mengecat. Kursus ini akan memberi peluang kepada pelajar bagi memperkembangkan bakat dan minat kepada aspek penghayatan, penglibatan, pemikiran daya kreativiti dan keupayaan memahami apresiasi seni.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan asas seni lukis cat air dalam konteks persepsi, struktur dan rekabentuk.
2. menunjukkan proses rekabentuk dan hubungan antara satu sama lain, antara manusia, bahan dan alam sekitar.
3. memaparkan kemahiran dengan menghasilkan karya seni lukis cat air.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

3. GREK1007 - Asas Seni Halus

Kursus ini akan memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai ilmu pengetahuan dan pengalaman dalam bidang seni halus terutama mengenai teknik melukis dan mengecat. Perbincangan mengenai hasil karya zaman silam dan aliran seni lukis masa kini serta teknik melukis merupakan satu cara memahami dan menilai serta menghayati seni halus.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menjelaskan pengetahuan asas seni halus.
2. memaparkan kemahiran dengan menghasilkan karya seni halus.
3. mempamerkan kerjasama erat di kalangan pelajar ketika pameran hasil seni halus secara berkumpulan.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

4. GREK1008 - Asas Seni Tembikar

Kursus ini akan memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai pengetahuan dan kemahiran asas menghasilkan tembikar bermula daripada penyediaan tanah, menguli, membentuk, melicin, mewarna dan membakar. Pelajar juga akan didedahkan kepada beberapa teknik dan keadaan untuk menghasilkan tembikar secara tradisional dan moden seperti teknik picit, lingkaran, kepingan dan putaran.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menjelaskan asas-asas menghasilkan tembikar.
2. menghasilkan tembikar secara tradisional dan moden.
3. mempamerkan kerjasama erat di kalangan pelajar ketika pameran secara berkumpulan.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris

5. GREK1010 - Asas Jahitan Tradisional

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan kepada teknik-teknik asas jahitan tradisional secara teori dan amali. Kursus ini juga memberi pendedahan kepada pelbagai jenis jahitan dan kesesuaian jahitan berdasarkan jenis pakaian tradisional yang sering digunakan.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menjelaskan asas-asas dan jenis jahitan tangan dan mesin.
2. membuat lakaran dan menghasilkan jahitan tangan dan mesin.
3. mempamerkan kerjasama erat dengan pelajar lain semasa latihan amali dan pameran secara berkumpulan.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

6. GREK1011 - Praktik Gamelan

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan mengenai sejarah, alat-alat muzik gamelan dan teknik-teknik permainan muzik gamelan. Kursus ini juga memperkenalkan sistem notasi muzik yang menggunakan sistem angka.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan asas gamelan sebagai genre muzik tradisional yang penuh bersejarah.
2. menunjuk cara kemahiran bermain gamelan secara solo dan berkumpulan.
3. mempamerkan interaksi dan kerjasama dengan pelajar lain semasa persembahan.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

7. GREK1014 - Apresiasi Taklempong

Kursus ini akan memperkenalkan sejarah dan teknik-teknik permainan muzik taklempong. Kursus ini juga memperkenalkan sistem notasi muzik yang menggunakan sistem angka.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan asas-asas muzik tradisional Taklempong (Negeri Sembilan).
2. menunjukkan kemahiran bermain Taklempong secara solo dan berkumpulan.
3. mempamerkan kerjasama dengan pelajar lain semasa latihan amali dan persembahan secara berkumpulan.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

8. GREK1015 - Praktik Kompang

Kursus ini bertujuan mendedahkan pelajar kepada seni kompang, memberi pendedahan tentang kemahiran asas, jenis-jenis paluan, peraturan dan disiplin kompang mengikut irama.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan cara asas dan jenis-jenis paluan kompang.
2. menunjuk cara teknik paluan kompang mengikut irama.
3. mempamerkan semangat kerjasama semasa persembahan pentas.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

9. GREK1016 - Praktik Keroncong

Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada teknik-teknik dan asas nyanyian keroncong.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan sejarah dan asas-asas nyanyian seni muzik tradisional keroncong.
2. menerangkan kemahiran asas bermain ukelili, cok, gitar dan bass.
3. menunjukkan kebolehan menyanyikan lagu keroncong asli dan moden secara individu dan kumpulan.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

10. GREK1017 - Angklung

Kursus ini akan memberi pendedahan mengenai seni angklung sebagai aktiviti rekreasi.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan asas-asas bermain angklung.
2. mempamerkan teknik-teknik permainan angklung mengikut irama seni muzik tradisional dan moden.
3. menunjukkan semangat kerjasama semasa persembahan berkumpulan.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

11. GREK1018 - Cat Air Cina

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan mengenai seni cat air cina sebagai salah satu bidang seni yang dapat mengembangkan bakat dan minat pelajar. Ia juga menumpukan aspek-aspek penghayatan, penglibatan, pemikiran, daya kreativiti dan keupayaan memahami nilai apresiasi seni lukis cat air cina.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan cara-cara seni cat air cina yang dihasilkan oleh seniman silam dan masa kini.
2. menunjukkan teknik asas dalam seni lukis cat air cina dalam konteks persepsi, fungsi, teknik dan rupa bentuk.
3. menghasilkan karya seni dengan mengambil kira rupa bentuk dan hubungannya dengan manusia, bahan dan alam sekitar.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)

2. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

12. GREK1021 - Koir

Kursus ini akan mendedahkan kepada teknik vokal dan nyanyian koir. Pelajar juga akan didedahkan kepada konsep-konsep seni muzik serta menyanyi repertoire lagu-lagu klasik, muzikal, tradisional, popular dan sebagainya.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan asas seni koir.
2. mempamerkan teknik-teknik menyanyi dalam seni koir.
3. menunjuk semangat kerjasama semasa persembahan secara berkumpulan.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris

13. GREK1022 - Gitar Elementari

Kursus ini akan memperkenalkan teknik-teknik permainan gitar yang mudah dan sesuai untuk situasi umum. Para pelajar akan mempelajari teknik *strumming*, *chording*, *plucking* dan sebagainya.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan asas-asas bermain gitar.
2. mempamerkan teknik-teknik bermain gitar.
3. menunjuk kerjasama di kalangan pelajar semasa persembahan secara berkumpulan.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris

14. GREK1025 - Praktik Sitar

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan mengenai sejarah, teori dan peralatan sitar; teknik permainan alat muzik dengan betul, asas sitar, latihan berperingkat, Sargam dan Raga serta Latihan Tal dan Lay (*Time & Rhythm*).

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan asas-asas muzik klasik India dan asas bermain alat muzik sitar.
2. menunjukkan teknik-teknik bermain sitar.
3. menunjukkan kerjasama di kalangan pelajar ketika persembahan secara berkumpulan.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris

15. GREK1029 - Nasyid

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan mengenai teknik-teknik vokal dan nyanyian yang sesuai, konsep-konsep seni muzik serta menyanyi *repertoire* lagu-lagu nasyid klasik, muzikal, tradisional, popular dan lain-lain.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan asas lagu-lagu nasyid tradisional dan kontemporari.
2. menunjukkan kemahiran menyanyi lagu-lagu nasyid secara solo dan berkumpulan.
3. mempamerkan semangat kerjasama semasa persembahan secara berkumpulan.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

16. GREK1031 - Asas Tarian Kebangsaan

Kursus ini memberi pengenalan asas mengenai perkembangan tarian-tarian rakyat yang telah diangkat sebagai tarian kebangsaan seperti tarian Asli, Inang, Joget dan

Zapin. Kursus ini terangkum kepada pengenalan am secara teori dan pergerakan dasar pada keempat-empat tarian tersebut.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan pergerakan asas setiap jenis tarian yang dipilih.
2. menunjukkan kemahiran teknik-teknik asas tarian kebangsaan secara solo dan berkumpulan.
3. menunjukkan disiplin dan kerjasama semasa persembahan secara berkumpulan.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris

17. GREK1032 - Asas Tarian Rakyat

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang asas perkembangan tarian-tarian rakyat yang dipilih daripada setiap negeri yang popular di Malaysia. Pengisian kursus ini terangkum kepada pengenalan am secara teori dan pergerakan dasar pada setiap tarian yang dipilih.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan asas-asas tarian rakyat.
2. memaparkan kemahiran teknik-teknik asas tarian rakyat secara solo dan berkumpulan.
3. menunjukkan kerjasama antara pelajar semasa persembahan secara berkumpulan.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

18. GREK1033 - Asas Tarian Klasik India

Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada teori-teori asas tarian klasik ini secara teori dan pergerakan gerak dasar. Keutamaan akan diberi bagi teknik pergerakan tangan (*Hasta*) dan kaki (*foot movements*), mata (*eye movements*) dan juga kepada perasaan (*abhinaya*).

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan teknik-teknik asas tarian klasik India.
2. memaparkan kemahiran dan teknik-teknik tarian klasik India secara solo dan berkumpulan.
3. menunjukkan kerjasama semasa persembahan secara berkumpulan.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris

19. GREK1051 - Praktik Dikir Barat

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan mengenai seni dikir barat (latar belakang) melalui apresiasi dan latihan amali. Pelajar juga akan didedahkan tentang persembahan dikir barat seperti disiplin, pakaian dan kerjasama di kalangan ahli kumpulan.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan bentuk-bentuk lagu juara dan lagu-lagu Tukang Karut.
2. membezakan jenis-jenis alat muzik dan teknik asas suara "awok-awok".
3. mencipta pantun dikir barat yang sesuai.
4. menunjukkan kerjasama antara pelajar semasa persembahan secara berkumpulan.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

20. GREK1053 - Asas Teater Moden (Lakonan)

Kursus ini disampaikan secara teori dan amali. Para pelajar akan diberi pendedahan kepada pengantar drama/teater. Pembelajaran teori akan ditekankan kepada sejarah perkembangan, aliran-aliran drama seperti realisme, naturalisme, dramaturgi dan sebagainya.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan asas lakonan teater.
2. menerangkan teori-teori asas teater.
3. menunjukkan asas-asas yang berkaitan dengan pementasan teater.

21. GREK1054 - Asas Wayang Kulit (Permainan Alat Muzik)

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang asas wayang kulit dengan memberikan tumpuan khusus kepada alat-alat muzik yang digunakan.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan tentang seni tradisi budaya wayang kulit.
2. menunjuk cara bermain alat muzik beserta lagu-lagu wayang kulit.
3. menunjuk cara persembahan muzik wayang kulit.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

22. GREK1061 - Asas Penulisan Puisi

Pelajar-pelajar akan diberi pendedahan kepada elemen-elemen puisi dan akan diberi bimbingan dan peluang untuk menghasilkan puisi yang mudah. Pelajar juga akan diberi peluang mempelajari teknik pembacaan puisi yang baik.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan cara asas-asas penulisan puisi.
2. memaparkan kemahiran dan potensi dalam menulis puisi.
3. mempamerkan dan menerangkan hasil penulisan masing-masing.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

23. GREK1062 - Asas Deklamasi Puisi

Pelajar-pelajar akan diberi pendedahan untuk memahami pelbagai bentuk puisi dan cara mendeklamasikan puisi. Latihan ditumpukan kepada kaedah-kaedah dalam deklamasi puisi serta cara penghakiman sesebuah puisi.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan asas-asas mendeklamasi puisi.
2. menunjuk cara mendeklamasi puisi yang betul.
3. menunjukkan bakat dalam mendeklamasi puisi secara berkumpulan.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

24. GREK1063 - Teater Boneka

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada latihan asas dan teknik lakonan. Pelajar akan dilatih untuk bermain bersama boneka, persediaan prop dan pentas, pencahayaan serta menggunakan bahan buangan untuk menghasilkan alat bantu persembahan

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan asas-asas teater boneka.
2. mempamerkan kemahiran mempersembahkan teater boneka.
3. menunjukkan kerjasama semasa persembahan secara berkumpulan.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

25. GREK1065 - Asas Tarian Rakyat Cina

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai pengenalan secara asas mengenai perkembangan tarian rakyat Cina. Pengisian kursus ini merangkumi kepada pengenalan am secara teori dan pergerakan tarian dasar yang terpilih.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan asas gerak dasar tarian rakyat cina.
2. mempamerkan kemahiran dan teknik-teknik dalam persembahan tarian rakyat cina.
3. menunjukkan kerjasama di kalangan pelajar semasa persembahan secara berkumpulan.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris

KOMPONEN SUKAN

1. GVEK1002 - Senamrobik

Kursus ini akan memperkenalkan kepada para pelajar pengetahuan asas dalam senamrobik. Aspek-aspek yang diajar termasuk kepentingan aerobik, ketahanan kardiovaskular, jenis-jenis muzik yang sesuai untuk senamrobik, pengetahuan kepada muzik, jenis-jenis pergerakan senamrobik, koordinasi dan pergerakan, otot-otot yang terlibat semasa bersenam, senaman yang betul dan personaliti seorang instruktur.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan asas dan kepentingan aerobik
2. menunjuk cara koordinasi dan pergerakan.
3. mempamerkan gerak kerja secara berkumpulan dan berinteraksi secara efektif bersama ahli kumpulan.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris

2. GVEK1003 - Silat Olahraga

Kursus ini akan memperkenalkan pelajar kepada pengetahuan asas dalam silat olahraga. Aspek-aspek yang akan diajar termasuklah sejarah silat dan asal-usul silat di Malaysia, teknik hormat umum, guru dan rakan pelajar yang lain, teknik latihan jasmani

dan faedah-faedah serta kegunaan lain seperti tujuan kesihatan, teknik asas harimau 1-7, latihan stamina dalam silat olahraga dan pukulan yang dibenarkan dan dilarang serta disiplin dalam pertandingan silat olahraga, latihan stamina dan teknik pengenalan menanti.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan pengetahuan Asas Seni Silat warisan Melayu.
2. menunjukkan ketahanan fizikal dan mental.
3. mempamerkan gerak kerja secara berkumpulan dan berinteraksi secara efektif bersama ahli kumpulan.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

3. GVEK1004 - Karate-Do

Kursus ini akan memperkenalkan pelajar kepada pengetahuan asas dalam seni mempertahankan diri Karate-Do. Antara aspek-aspek yang akan diajar ialah sejarah, falsafah, konsep 'Budo' dan signifikasinya, cara permulaan dan penutupan latihan Karate-Do, '*Etiquette*', cara tumbukan, tendangan, tangkisan dan langkah-langkah asas serta '*Kata*' asas dan aplikasinya.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menunjuk cara seni mempertahankan diri (Karate-Do) dan hubung kait seni ini dengan kehidupan seharian.
2. menunjukkan cara tumbukan, tendangan, tangkisan dan langkah- langkah asas.
3. mempamerkan disiplin yang diperlukan dalam Karate-Do.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris

4. GVEK1005 - Bola Jaring

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada pengetahuan dalam bidang permainan,kejurulatihan dan pengadilan bola jaring. Di antara aspek - aspek yang

akan disentuh termasuklah balingan, tangkapan, mengacah, *footwork*, cara menyerang dan pertahanan serta undang-undang permainan bola jaring.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan kemahiran asas permainan bola jaring.
2. menunjuk cara bermain dengan betul.
3. mempamerkan disiplin dalam permainan bola jaring.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

5. GVEK1007 - Tenis

Kursus ini akan memperkenalkan pelajar kepada pengetahuan dalam permainan tenis. Aspek-aspek permainan tenis yang diajar termasuk peraturan tenis, *etiquette*, cara pemegangan, pukulan '*forehand*' dan '*backhand*', '*serving*' dan '*volleying*' dan permainan perseorangan dan bergu.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan kemahiran asas permainan tenis.
2. menunjukkan cara bermain dengan betul.
3. menunjukkan kebolehan membuat keputusan dengan cepat.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

6. GVEK1008 - Renang Campuran

Pelajar akan diperkenalkan kepada kemahiran asas dalam renang termasuk membiasakan diri dan memasuki air, mengapung dan '*sculling*', cara strok tangan dan kaki yang betul, cara pernafasan dan koordinasi.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir ini, pelajar dapat:

1. menjelaskan kemahiran asas dalam renang.
2. menunjukkan cara apungan - “Face-up” dan “Jelly Fish”.
3. menunjukkan teknik-teknik renang - “Breastsroke dan “Front Crawl”.
4. mempamerkan kerjasama erat semasa pameran secara berkumpulan.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris

7. GVEK1009 - Taekwan-Do

Kursus ini memberi pendedahan mengenai pengetahuan asas dalam seni mempertahankan diri taekwan-do.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menunjuk cara seni mempertahankan diri Taekwan-Do dan hubung kait seni ini dengan kehidupan seharian.
2. menunjukkan cara tumbukan, tendangan, tangkisan dan langkah- langkah asas.
3. mempamerkan disiplin yang diperlukan dalam Taekwan-Do.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

8. GVEK1010 - Bola Baling Olimpik

Kursus ini melibatkan pengajaran secara teori dan praktikal tentang sukan bola baling olimpik. Penekanan diberikan untuk membimbing pelajar menguasai kemahiran asas, teknik dan taktik permainan.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan kemahiran asas dan teknik permainan bola baling olimpik.
2. mempamerkan kecergasan fizikal serta membina mental yang sihat.
3. mempamerkan kemahiran bermain bola baling olimpik.
4. mempamerkan kerjasama erat semasa pameran secara berkumpulan.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris

9. GVEK1011 - Pengenalan Kepada Silambam

Pelajar akan diperkenalkan kepada aspek teori dan praktikal tentang seni silambam dan kemahiran asas teknik dan taktik dalam permainan.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan asas-asas pergerakan silambam
2. mempamerkan gerak asas seni silambam.
3. mempamerkan gerak kerja secara berkumpulan dan berinteraksi secara efektif bersama ahli kumpulan.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

10. GVEK1013 - Bola Sepak

Kursus ini menekankan tentang kemahiran tentang cara hantaran, sepakan dan kelecek bola. Kursus ini juga menekankan kepada pengetahuan tentang kecergasan dan mengenali tubuh serta menitik beratkan undang-undang permainan.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. mempamerkan kemahiran dalam permainan bola sepak.
2. mempamerkan disiplin dan nilai-nilai murni yang dikaitkan dengan permainan bola sepak.
3. mempamerkan interaksi dan kerjasama berkesan sebagai satu pasukan.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris

11. GVEK1015 - Silat Gayung Fatani

Kursus ini menawarkan latihan asas riadah seni pergerakan yang mengandungi jurus tangan dan kaki. Latihan menekankan jenis-jenis langkah, permainan senjata, jenis-jenis tumbukan, tendangan sebagai asas seni mempertahankan diri di Alam Melayu. Kursus ini juga memperkenalkan seni muzik silat, pergerakan asas teater dan seni busana kepahlawanan Melayu.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan asas riadah seni pergerakan tradisi.
2. menerangkan seni mempertahankan diri yang terdapat di Alam Melayu.
3. menunjuk cara jenis-jenis tumbukan dan tendangan.
4. mempamerkan gerak kerja secara berkumpulan dan berinteraksi secara efektif bersama ahli kumpulan.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

12. GVEK1018 - Pengenalan Kepada Gimrama (Wanita Sahaja)

Kursus ini mendedahkan kepada para pelajar dengan pelbagai kemahiran gimrama. Kemahiran asas pergerakan badan dan kemahiran asas 'ballet' akan juga diperkenalkan. Kebolehan menggunakan alatan seperti alatan gelung, tali, reben, bola dan belantan dengan pergerakan badan seiring dengan irama muzik secara individu dan kumpulan juga didedahkan. Pelajar diajar untuk menghargai keindahan muzik dan mengalami perkaitan di antara aktiviti tarian dan kemahiran gimnastik dengan irama muzik.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat :

1. menerangkan kepentingan sukan gimrama.
2. menerangkan keperluan-keperluan asas untuk memulakan gimrama.
3. menunjuk cara kebolehan mengawal peralatan sukan gimrama iaitu alat gelung, tali, reben, bola dan belantan secara individu dan berkumpulan.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)

2. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

13. GVEK1021 - Silat Cekak Hanafi

Silat Cekak Hanafi merupakan silat bela diri. Ia bukan merupakan pencak silat atau tari silat serta tidak mengajar bunga-bunga silat. Pelajarnya diajar secara pakej dari pelajaran pertama hingga pelajaran terakhir. Ia memberi penekanan terhadap kaedah menunggu serangan dan bukannya didahului dengan kaedah menyerang. Setiap buah pelajarannya lengkap dengan tangkisan, pukulan, pemakan dan kunci yang kemas. Kaedahnya tidak menggunakan kaki sama sekali untuk menyerang serta tidak ada gerakan kaki yang tinggi.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat :

1. menunjukkan kaedah asas A, B, C dan D (Asas Buah Pertama).
2. menunjuk cara Buah Asas Keputusan, Kilas, Kuntau dan Hentak.
3. mempamerkan kemahiran Buah Jatuh Keputusan dan Kilas (Pecahan I, II, III dan IV).
4. mempamerkan gerak kerja secara berkumpulan dan berinteraksi secara efektif bersama ahli kumpulan.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

14. GVEK1022 - Waja Diri Tang Lang Chuan

Waja Diri Tang Lang Chuan ialah sejenis seni waja diri yang berasal dari Wilayah Shandong, China. Ia mencontohi pergerakan mentadak dan monyet. Ia sangat mengutamakan kecepatan gerakan. Gerakan Tang Lang Chuan adalah gabungan siri langkah yang berturut-turut dengan gabungan tangan dan kaki.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan asas-asas pergerakan Waja Diri Tang Lang Chuan.
2. mempamerkan bunga-bunga asas pergerakan seni pertahanan diri.
3. menunjukkan kemahiran mendengar yang aktif dan memberi maklum balas.
4. mempamerkan gerak kerja secara berkumpulan dan berinteraksi secara efektif bersama ahli kumpulan.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

15. GVEK1023 - Asas Berkayak

Kursus ini akan memberi pendedahan kepada pelajar tentang sukan berkayak. Antara aspek teori yang akan diajar ialah aspek sejarah, keselamatan serta peralatan-peralatan yang digunakan dalam sukan berkayak. Aspek praktikal pula merangkumi teknik mengangkat kayak, cara masuk/keluar, *Bailing, Basic Stroke, Sweep Stroke, Draw, Balancing, Forward, Backward Stroke*.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menjelaskan aspek teori, sejarah, keselamatan dan peralatan berkayak.
2. menunjuk cara teknik asas berkayak.
3. mempamerkan kemahiran berkayak.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris

16. GVEK1024 - Yoga & Sains

Kursus ini mengandungi aspek teori iaitu sejarah dan falsafah Yoga serta memberi panduan cara hidup yang sihat. Kursus ini turut mempraktikkan konsep '*The Way of Harmony of the Spirit and Mind*' turut diamalkan.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan teknik pernafasan dalam yoga.
2. menerangkan amalan cara hidup yang sihat dari segi mental dan fizikal
3. menunjuk cara teknik-teknik yoga.

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS3)
2. Kerja Berpasukan (TS3)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris

** penawaran kursus adalah tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa*

KURSUS ELEKTIF LUAR FAKULTI

Penawaran dan kapasiti bagi Kursus Elektif Luar Fakulti pada setiap semester adalah tertakluk kepada penawaran yang dibuat oleh akademi/fakulti/pusat. Jumlah jam kredit bagi Kursus Elektif Luar Fakulti yang perlu diambil oleh pelajar berbeza mengikut fakulti/program pengajian (sila rujuk buku panduan akademi/fakulti/pusat masing-masing).

Antara Kursus Elektif Luar Fakulti yang ditawarkan oleh SKET ialah:

1. **GLEX2304 – Masyarakat Indigenus dan Isu-isu Semasa (2 kredit)**

Sinopsis Kursus

Masyarakat Indigenus Malaysia merupakan sebahagian daripada masyarakat majmuk Malaysia. Sejalan dengan pembangunan negara, masyarakat indigenus juga kian hari berhadapan dengan pelbagai cabaran. Kursus ini berusaha untuk meningkatkan kesedaran para pelajar akan keperluan, permasalahan dan dilema yang mereka hadapi dalam konteks pemodenan negara. Kursus ini akan menggabungkan beberapa disiplin.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. meningkatkan pengetahuan dan kesedaran pelajar terhadap komuniti warga indigenus.
2. menerangkan holistik permasalahan yang dihadapi oleh komuniti tersebut.
3. membahaskan dan meneliti, kedudukan dan masalah masyarakat indigenus.

Kaedah Penilaian

Penilaian Berterusan: 50%

Peperiksaan Akhir: 50%

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS4)
2. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah (CT3)
3. Kerja Berpasukan (TS3)
4. Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat (LL1)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

2. **GLEX2308 - Iklim & Masyarakat (2 kredit)**

Sinopsis Kursus

Kursus ini akan membincangkan beberapa perkara asas berkaitan dengan proses pemanasan global, perubahan iklim, kesan terhadap alam sekitar dan dampaknya kepada manusia. Kursus ini juga akan membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan saiz iklim, kesan dan dampak iklim, vulnerabiliti manusia, dasar dan politik iklim,

ekonomi iklim, pengurusan iklim, iklim dan undang-undang, etika dan keadilan iklim dan termasuk juga iklim dan kesihatan.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menghuraikan konsep-konsep asas berkaitan pemanasan global, perubahan iklim, kesan iklim, vulnerabiliti sistem fizikal dan manusia, adaptasi dan mitigasi kepada pemanasan global.
2. menjelaskan perhubungan di antara pemanasan global, perubahan iklim, kesan iklim dan dampak kepada sistem fizikal dan manusia.
3. menilai vulnerabiliti sistem-sistem fizikal dan manusia terhadap ancaman pemanasan global dan perubahan iklim.
4. menilai kegagalan dan kejayaan strategi-strategi adaptasi dan mitigasi akibat ancaman pemanasan global dan perubahan iklim.
5. mengaplikasikan proses pembelajaran pada kajian kes tertentu yang berkaitan dengan isu pemanasan global dan perubahan iklim serta ancaman kepada manusia.

Kaedah Penilaian

Penilaian Berterusan: 50%

Peperiksaan Akhir: 50%

Kemahiran Insaniah

5. Kemahiran Berkomunikasi (CS4)
6. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah (CT3)
7. Kerja Berpasukan (TS3)
8. Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat (LL1)

Bahasa Pengantar

Bahasa Inggeris

2. GLEX2309 - Perbandingan Antara Tamadun (3 kredit)

Sinopsis Kursus

Disebabkan tamadun-tamadun yang pernah lahir di dunia ini mempunyai latar belakang yang tersendiri, sudah pasti wujudnya perbezaan antara satu tamadun dengan tamadun yang lain. Namun, terdapat juga banyak persamaan yang dikongsi. Ciri-ciri perbezaan dan persamaan antara tamadun boleh dilihat terutamanya dalam konteks teologi dan etika. Dalam konteks ini, kursus ini akan melihat perbezaan dan persamaan tamadun, tujuh persoalan etika dikemukakan iaitu keluarga, masyarakat, pemerintahan, alam sekitar, kegiatan ekonomi, pendidikan dan kesihatan. Pandangan semesta serta nilai-nilai universal yang dikongsi dalam tamadun-tamadun terutamanya Tamadun Melayu-Islam, Cina dan India akan dilihat secara perbandingan. Selain itu, perubahan yang berlaku terhadap falsafah hidup, pemikiran dan budaya masyarakat akibat daripada pengaruh tamadun asing terutamanya Barat juga akan dibincangkan.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. mengenal pasti latar belakang dan ciri-ciri tamadun terutamanya tamadun Melayu-Islam, Cina, India dan Barat.
2. menghuraikan tujuh persoalan etika yang dikemukakan iaitu keluarga, masyarakat, pemerintahan, alam sekitar, kegiatan ekonomi, pendidikan dan kesihatan.
3. membandingkan nilai-nilai universal yang dikongsi oleh tamadun-tamadun.
4. menghubungkan kait falsafah, pemikiran dan budaya masyarakat yang diwarisi daripada tamadun silam kepada pembentukan asas tujuh persoalan etika.
5. menyimpulkan kepentingan persoalan tujuh etika dalam tamadun dan perubahan nilai-nilai ketamadunan asal kesan daripada pengaruh daripada tamadun-tamadun lain.

Kaedah Penilaian

Penilaian Berterusan: 40%

Peperiksaan Akhir: 60%

Kemahiran Insaniah

9. Kemahiran Berkomunikasi (CS4)
10. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah (CT3)
11. Kerja Berpasukan (TS3)
12. Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat (LL1)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

3. GLEX2310 - Interaksi Antara Tamadun (3 kredit)

Sinopsis Kursus

Kursus ini membincangkan tentang konsep asas tamadun, interaksi dan kepentingan tamadun. Kursus ini juga membincangkan mengenai proses, jenis dan faktor yang membawa kepada interaksi antara tamadun serta kepentingan hidup bertamadun dengan menekankan nilai bertoleransi dalam interaksi tersebut. Tamadun yang diketengahkan untuk perbincangan ialah tamadun Islam, Melayu, Cina, Jepun dan Barat. Perbincangan lebih mendalam akan dilihat menerusi hasil interaksi di antara tamadun-tamadun tersebut.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. menerangkan konsep asas tamadun, interaksi dan kepentingannya.
2. menjelaskan proses, jenis dan faktor yang membawa kepada interaksi.
3. menghubungkan kait interaksi antara tamadun Islam dengan tamadun Barat, Cina dan India, kemudiannya interaksi antara tamadun India dengan Cina, Melayu dengan Islam, Melayu dengan Cina serta Melayu dengan India.

Kaedah Penilaian

Penilaian Berterusan: 40%
Peperiksaan Akhir: 60%

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS4)
2. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah (CT3)
3. Kerja Berpasukan (TS3)
4. Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat (LL1)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia

4. GLEX2311 - Pengenalan Kepada Psikologi Sosial (2 kredit)

Sinopsis Kursus

Kursus ini akan menerangkan konsep-konsep asas dan teori-teori psikologi sosial supaya dapat membantu pelajar-pelajar memahami persekitaran untuk membolehkan mereka menerang, meramal dan mempengaruhi apa yang berlaku di sekeliling mereka. Kursus ini juga menerangkan bagaimana perbezaan latar belakang, situasi sosial mempengaruhi proses-proses psikologikal seperti persepsi, kognitif dan emosi seseorang individu. Di samping itu, kursus ini juga menginterpretasikan bagaimana sikap dan tingkahlaku seseorang itu terbentuk serta menjelaskan pengaruh sosial terhadap pembentukan interpersonal dan hubungan antara seseorang individu dengan masyarakatnya. Pada akhir kursus ini, penekanan juga diberi kepada penerangan bagaimana kelakuan pro-sosial dan anti-sosial terbentuk dan seterusnya mendedahkan para pelajar kaedah untuk bersosialisasi melalui pembentukan konsep sendiri dan keyakinan diri yang kukuh.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. merumuskan sejarah perkembangan bidang psikologi sosial.
2. menerangkan konsep-konsep asas dan teori-teori psikologi sosial.
3. menerangkan bagaimana perbezaan latar belakang, situasi sosial mempengaruhi proses-proses psikologikal seperti persepsi, kognitif dan emosi seseorang individu.
4. menginterpretasikan bagaimana sikap seseorang itu terbentuk dan memahami diri serta orang lain dengan lebih mendalam melalui pembentukan kognitif sosial.
5. menerangkan bagaimana kelakuan prososial dan antisosial terbentuk dan seterusnya mendedahkan para pelajar kaedah untuk bersosialisasi dan pembinaan konsep sendiri.

Kaedah Penilaian

Penilaian Berterusan: 60%

Ujian - 10%

Kerja Kursus - 50%

Peperiksaan Akhir: 40%

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS4)
2. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah (CT4)
3. Kerja Berpasukan (TS3)
4. Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat (LL1)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris

5. GLEX2312 - Pengenalan Kepada Keamanan & Kemanusiaan (3 kredit)

Sinopsis Kursus

Kursus ini memberi penekanan kepada perkaitan dan tanggungjawab manusia terhadap alam sekitar serta masyarakat. Kursus ini juga akan mengkaji asal-usul konflik dan memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai tanggungjawab dan peranan hubungan antarabangsa dalam menyelesaikan konflik. Sehubungan itu, pelajar dapat menganalisis dengan lebih mendalam dan memahami konsep-konsep dan teori-teori sosiologi yang berkaitan dengan keamanan. Di samping itu, para pelajar juga dapat menghayati nilai-nilai murni dan etika, seterusnya membentuk sikap positif serta bermoral yang mementingkan kemanusiaan dan keamanan melalui pengajian dan pemahaman falsafah dan teori keamanan daripada tokoh-tokoh pemimpin terkemuka di dunia. Akhirnya pelajar dapat merangsang pemikiran yang bersifat universal, memperkukuhkan nilai-nilai positif dalam kehidupannya dan menyedari tanggungjawab masing-masing dalam pembentukan satu masa depan yang aman dan gemilang.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. membincangkan asal-usul konflik serta bentuk konflik yang wujud dalam sesebuah masyarakat dan di peringkat antarabangsa.
2. menerangkan kaitan dan peranan kehidupan peribadi dan sosial seterusnya menunjukkan tanggungjawab terhadap alam sekitar dan masyarakat.
3. Membincangkan hubungan antarabangsa yang wujud secara teori dan praktikal. Contoh: Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu
4. menganalisis konsep dan teori sosiologi untuk keamanan.
5. mengilustrasikan bagaimana toleransi dan keamanan boleh dicapai melalui penghayatan dan pengajian falsafah keamanan dan teori-teori keamanan.

Kaedah Penilaian

Penilaian Berterusan: 80%

Kerja Kursus - 70%

Tutorial - 10%

Peperiksaan Akhir: 20%

Kemahiran Insaniah

1. Kemahiran Berkomunikasi (CS4)
2. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah (CT4)
3. Kerja Berpasukan (TS3)
4. Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat (LL1)

Bahasa Pengantar

Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris

HUBUNGI KAMI

Sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di alamat berikut:

Seksyen Kokurikulum, Elektif Luar Fakulti
& TITAS (SKET), Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur

No. Tel : 03-79675488/5671/5490
No. Faks : 03-79675427
E-mel : sket@um.edu.my